

## Iklm Persekitaran Masyarakat Islam

### [The Climate of the Muslim Community]

**BITARA**

Volume 5, Issue 1, 2022: 171-184  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 22 February 2022  
Accepted: 20 March 2022  
Published: 31 March 2022

Halimahtul Sa'diyah Mohamad,<sup>1</sup> Jaffary Awang,<sup>1\*</sup> Kamaruddin Salleh<sup>1</sup>  
& Zaizul Ab Rahman<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Email: p93690@siswa.ukm.edu.my; jaffary@ukm.edu.my; dins@ukm.edu.my; zaizul@ukm.edu.my

\* Corresponding Author: jaffary@ukm.edu.my

#### Abstrak

Kajian ini mengkaji tentang suasana persekitaran masyarakat Islam yang berdepan dengan perkembangan agama lain dalam persekitaran mereka. Fenomena keberagamaan masyarakat yang berada dalam struktur pentadbiran majoriti masyarakat Islam, membuatkan Malaysia berdepan dengan suasana tegang ekoran peningkatan kepelbagaian agama. Kebangkitan Islam global dan keretakan dalam kalangan orang Melayu secara tidak langsung telah mengubah iklim keberagamaan masyarakat Islam. Demikian itu, objektif kajian adalah untuk melihat iklim majoriti Muslim dan bukan Islam dalam membina masyarakat majmuk yang harmoni dalam kalangan masyarakat. Dengan menganalisa beberapa kajian lepas melalui jurnal, tesis dan buku-buku, kajian mendapati terdapat beberapa isu yang menjadi ketegangan antara dua pihak yang melibatkan segelintir individu yang sedikit menggugat sensitiviti penganut agama di Malaysia. Kajian juga mendapati Islam mula berkembang di Malaysia sejak berlakunya evolusi dalam pendidikan dan bangkitnya semangat menegakkan dan mengamalkan agama dalam kalangan penganut agama. Hal ini juga berlaku dalam kalangan penganut bukan Islam. Justeru itu, bagi meningkatkan iklim persekitaran masyarakat Islam yang harmoni, penganut agama hendaklah sentiasa bersatu padu, saling menghormati di antara satu sama lain walaupun masyarakat berlainan agama dan bangsa.

**Kata kunci:** persekitaran, masyarakat Islam, bukan Islam, hubungan, agama.

#### Abstract

This study intended to examine the climate of the Muslim community facing the growth of other religions in their environment. As a Muslim majority country, the community's religiosity undoubtedly faces pressure due to the growing religious diversity. The advancement of global Islam and the conflict among the Malays have indirectly altered the religious climate of the Muslim community. Accordingly, this research aimed to look at the climate of the majority Muslim and minority non-Muslim communities in establishing a peaceful plural society. By dissecting several previous studies through journals, theses and books, the study confirmed some tensions between the two parties involving individuals who manipulate the sensitivity of religious believers in Malaysia. Further, the analysis also substantiated that Islam began to develop in Malaysia with the evolution of education and the rise of the spirit of upholding and practising religion among religious believers. It is also applicable among non-Muslims. Ergo, to improve the climate of a harmonious Muslim community, religious followers must unite and respect each other even if the community is of distinct religions and races.

**Keywords:** climate, the Muslim community, non-Muslim, relationship, religion

**Cite This Article:**

Halimahtul Sa'diyah Mohamad, Jaffary Awang, Kamaruddin Salleh & Zaizul Ab Rahman. 2022. Iklim Persekitaran Masyarakat Islam [The Climate of the Muslim Community]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 171-184.

## Pengenalan

Malaysia sebagai sebuah negara majoriti Islam yang mempunyai masyarakat majmuk dengan berlatar belakangkan pelbagai etnik dan agama. Penganut agama di Malaysia terdiri daripada Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama lagi yang menjadi asas kepercayaan masyarakat Islam. Keberadaan pelbagai penganut agama di Malaysia telah memberi pelbagai gambaran tentang suasana keagamaan masyarakat di negara ini dengan pelbagai isu. Demikian itu, bagaimana suasana hubungan masyarakat Islam dan bukan Islam yang berada dalam persekitaran masyarakat Islam yang melibatkan beberapa aspek iaitu agama, sosial, politik, ekonomi dan pendidikan.

## Suasana Hubungan Masyarakat Islam dan Bukan Islam

Sekitar hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia dilihat melalui beberapa fasa utama. Jadual 1 di bawah menunjukkan kronologi isu hubungan etnik dan agama di peringkat nasional dan global secara ringkas:

Jadual 1 Fasa hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia

Fasa	Tahun	Isu
Pertama	1957	Tahap keberagamaan masih lemah dalam kalangan penganut agama. Pengasingan kawasan tempat tinggal mengikut kaum (Melayu: kampung, Cina: bandar & India: estet) (Nur Farhana Abdul Rahman et al. 2020). Kesannya kurang interaksi dalam kalangan penganut agama. Secara tidak langsung mewujudkan jurang perkauman dalam kalangan etnik dan agama. Selepas merdeka kerajaan kurang memberi perhatian kepada isu perpaduan antara kaum (Nur Farhana Abdul Rahman et al. 2020)
	1969	Penggubalan agenda baru dalam kerajaan dilaksanakan semula berpunca daripada peristiwa rusuhan berdarah 13 Mei 1969.
Kedua	1978	Peristiwa Kerling
	1980	Demonstrasi penganut Kristian di Melaka pada Hari Wesak.
Ketiga	1982	Pengaktifan semula kebangkitan Islam kesan daripada kebangkitan Revolusi Iran (Chandra Muzaffar 1988).

(Respons terhadap kebangkitan Islam)	Memperkasakan dan menerapkan nilai-nilai Islam, amalan-amalan Islam, institusi-institusi Islam, undang-undang Islam dan segala pelaksanaan sistem dan penghayatan yang penuh keislaman secara menyeluruh bagi mewujudkan sebuah negara Islam (Chandra Muzaffar 1988).
1983	Wujud kesedaran dalam kalangan pihak Muslim bagi meletakkan batasan percampuran dan aurat antara lelaki dan perempuan serta yang berlainan agama. Pengasingan penyediaan alatan makanan dalam sesuatu majlis. Perhatian terhadap isu halal haram dalam penyediaan makanan. Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBHST) menyuarakan bantahan terhadap program islamisasi yang digagaskan oleh kerajaan pada tahun 1982.
	Majlis Perundingan Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBHST) menyatakan penolakan terhadap aplikasi undang-undang Syariah ke atas masyarakat bukan Islam.
	Tuntutan ini muncul sebagai bukti kebimbangan dan reaksi masyarakat bukan Muslim dalam mengimbangi hak Muslim dan bukan Muslim selaras dengan artikel 11 dalam Perlembagaan Malaysia.
	Objektif utama MCCBHST adalah (Northcott 1991:59): memperkenalkan dialog kepada semua agama bagi mencari kesepakatan dalam tradisi yang berbeza terhadap isu-isu kontroversi seperti penukaran agama.
	Mewakili suara masyarakat bukan Islam kepada pemerintah dan pihak berkuasa negeri dalam menjaga kepentingan mereka mengenai isu-isu seperti tapak perkuburan bagi orang bukan Islam, pembinaan rumah ibadat dan lain- lain).
1985	Peristiwa Lubuk Merbau dan Memali.
2000	Terdapat segelintir aktivis agama bukan Islam yang turut mempersoalkan dan mengapi-apikan isu pertukaran agama Islam dalam kalangan etnik bukan bumiputera di mana mereka cuba untuk menimbulkan pelbagai konflik keagamaan dan perkauman (Mohamed Azam Mohamed Adil 2000).
Luar negara	2001
	Insiden keganasan yang berlaku di dunia seperti peristiwa 11 September 2001 di bandar New York sebagai pencetus utama kepada fenomena <i>Islamofobia</i> .

---

Luar negara	2004	Peristiwa pengeboman di Madrid pada 11 Mac 2004 melibatkan kematian 191 orang.
Luar negara	2004	Pergolakan yang berlaku antara orang Islam Pattani dengan kerajaan Thailand 2004 (Che Mohd Aziz Yaacob 2011).
Luar negara	2005	Pengeboman di London pada 7 Julai 2005 yang meragut 52 nyawa oleh pengganas yang disyaki Muslim telah memburukkan lagi imej Islam di mata masyarakat dunia. Insiden sebegini menyebabkan umat Islam dikaitkan dengan keganasan ( <i>terrorisme</i> ).
	2009	Isu Kalimah Allah (16 Mei 2009): pihak gereja menggunakan kalimah Allah sebagai terjemahan untuk 'God' bagi terjemahan Bible Bahasa Malaysia (Baharuddin et al. 2014). Berlaku ketegangan di antara umat Islam yang tidak berpuas hati terhadap tuntutan penganut Kristian di Malaysia.  Isu pembinaan kuil Hindu di Seksyen 23 Shah Alam, Selangor yang telah menimbulkan kemarahan penduduk Melayu Islam di kawasan berkenaan. Kesannya telah mengakibatkan hubungan penganut Islam dan India menjadi tegang. (Zaid Ahmad et al. 2014).
	2009	Tuntutan hak kebebasan beragama di Malaysia diperjuangkan oleh <i>Inter Faith Commission</i> (IFC) pada tahun 2009, antaranya yang menyokong supaya setiap individu berhak memilih agama sendiri tanpa boleh dipaksa oleh ibu bapa.
	2010	Gejala pluralisme agama dalam konteks di Malaysia boleh dilihat menerusi isu murtad dan cinta rentas agama, cadangan penubuhan <i>Interfaith Commission</i> (IFC) (Suruhanjaya antara Agama) perkongsian perayaan dan acara keagamaan, penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam, ucapan salam kepada orang bukan Islam, isu pengharaman yoga kepada orang Islam dan penggunaan ayat-ayat al-Quran dan hadis oleh bukan Islam dalam ucapan-ucapan politik (Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad 2014).
	2013	Isu saranan pembakaran Bible versi Bahasa Melayu menggunakan kalimah Allah (Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad 2014).
	2014	Konflik <i>intra</i> agama seperti kes Ahmadiyah di mana mereka ditangkap ketika melakukan solat Jumaat berjemaah di sebuah hotel bajet. Mereka merasa tertindas kerana pihak kerajaan tidak

---

---

		mengiktiraf ajaran dan menganggap bahawa mereka adalah ajaran sesat (Nur Farhana Abdul Rahman et al. 2020).
Luar negara	2016	Isu etnik Rohingya walaupun Rohingya dikaitkan dengan konflik etnik namun begitu kerana berbeza agama etnik Rohingya dilakukan sewenang-wenangnya oleh Sami Buddha (Hamzah & Sity Daud 2016).
Kini	2017- 2018	Isu hubungan antara agama semakin mendapat perhatian. Forum antara Agama 2016: mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mewujudkan subjek ' <i>interfaith understanding</i> ' bagi membolehkan pelajar sekolah lebih memahami dan menghormati kepelbagaian fahaman agama di negara ini.
		Pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama (JKMPKA) Datuk Azman Amin Hassan berkata "... subjek ini diharapkan dapat mendidik terutamanya anak-anak kita memahami sekurang-kurangnya perkara asas tentang agama lain selain didedahkan mengenai perlembagaan negara" (Nur Farhana Abdul Rahman et al. 2020).
	2018	Akta Kebencian Agama dan Kaum turut dicadangkan sebagai penilai kepada mana-mana pihak yang menghina agama Islam dan agama lain Wujud permintaan dan cadangan agar subjek agama lain turut di ajar dalam sistem persekolahan.
	2020	Berdasarkan penjelasan fasa-fasa di atas, menjelaskan seolah-olah kecenderungan yang muncul dalam isu-isu hubungan Muslim dan Bukan Muslim yang berlegar sekitar isu kurang memahami hak agama sehingga terhasilnya sekatan mengamalkan agama dan hak agama lain dalam erti kata lain terfokus kepada tuntutan hak semata mata (Nur Farhana Abdul Rahman et al. 2020).

---

## Agama

Umumnya agama mencirikan kedamaian, keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran akan tetapi agama sering dikaitkan dengan konflik, keganasan, kemunduran dan kehancuran. Contohnya ketegangan antara Buddha dan Muslim yang berlaku di wilayah-wilayah yang mana mereka berkongsi ruang dan tempat seperti negara Rakhine di Myanmar, selatan Thailand, Sri

Lanka dan Ladakh, bahagian timur negara Jammu dan Kashmir di India. Ketegangan ini berlaku berpunca daripada ketakutan dalam kalangan penganut Buddha yang tidak dicanangkan dan dibesar-besarkan isunya bahawa umat Islam akan mempengaruhi mereka secara demografi. Hal ini mewujudkan ketakutan dalam kalangan penganut Buddha akan kehilangan negara dan budaya mereka menjadi Muslim sepertimana di beberapa tempat di Asia Tengah, Xinjiang, Afghanistan, dan Pakistan pada zaman moden, yang mana sebelum kedatangan Islam pada abad ke-7 hingga abad ke-11, majoriti penganut wilayah tersebut beragama Buddha pada ketika itu. Keadaan ini memberi gambaran kepada penganut Buddha bahawa kedatangan Islam seiring dengan kemusnahan agama Buddha. Hal ini digambarkan dengan tulisan seorang penyair yang berbunyi: "... we came down on them like a flood. We went out among their cities. We tore down the idol-temples. We shat on the Buddha's head" (Akhilesh Pillalamarri 2017). Apa yang berlaku di peringkat global menggambarkan bagaimana agama selain Islam berada dalam ketakutan sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya. Provokasi terhadap agama memberi kesan negatif kepada penganut agama global amnya dan Malaysia khususnya. Akan tetapi, pada tahun 1970-an dan 1980-an, terdapat sebuah gerakan yang memandang Islam sebagai kepercayaan holistik merangkumi semua aspek kehidupan sama ada awam atau swasta yang telah mulai tersebar di kampus universiti. Walaupun pada peringkat awal pemerintah kelihatan mengamalkan toleransi namun yang sebenarnya pemerintah gerakan mempunyai aspirasi politik. Sebagai ganti rugi terhadap kegagalan pemerintah, kaum Muslimin menawarkan program sosial yang komprehensif, meliputi sesi bimbingan, persekolahan, pengembangan perniagaan dan bantuan untuk keluarga yang memerlukan dan juga perkhidmatan seperti pengindahan kawasan sekitar dan pengambilan sampah (Riggs 2008).

Kebangkitan semula Islam menyedarkan komuniti agama akan identiti agama mereka sendiri. Hal ini menunjukkan suatu perkembangan yang memberi kesan positif dan negatif kepada masyarakat Malaysia. Kesedaran Islam yang lebih besar melibatkan peribadi, sosial dan pemerintahan secara tidak langsung memberi kesan langsung kepada bukan Islam kerana mereka tidak selalu dipantau oleh khalayak, begitu juga sebaliknya. Kesedaran Islam yang meningkat ini menyebabkan terdapat minoriti agama bimbang tentang pembahagian tanah untuk institusi keagamaan mereka, penggunaan Bahasa Melayu dalam *sastera* agama bukan Islam, akses media untuk pengaturcaraan agama bukan Islam, batasan dakwah pengetahuan dan juga pengIslamkan kurikulum pendidikan kerajaan, lebih-lebih lagi kebanyakan minoriti telah menyatakan ketakutan yang mendasari tentang sejauh mana hak mereka akan terus dilindungi sekiranya Malaysia menjadi negara Islam (Yousif 1998).

## Sosial

Pertumbuhan dan perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia berlaku ketika mana Islam sudah lama bertapak dalam kehidupan rakyat peribumi, peranan agama terhad kepada pemupukan perpaduan dalam kalangan anggota kaum sahaja. Islam tidak pernah ditonjolkan secara bersistem sebagai satu formula kepada masalah perkauman, sama ada oleh pejuang-pejuang kebangsaan atau pemimpin-pemimpin nasional dan pemimpin parti selepas merdeka kecuali di akhir abad ini semangat perpaduan semakin diberi perhatian terutama yang membabitkan isu-isu perkauman. Agama bagi masyarakat Melayu telah menjadi '*a principal*

*means of defining ethnic loyalty, the foundation of communal identity*', atau satu '*ethnic boundary-maker*'. Anjuran dan kegiatan untuk menjadikan Islam sebagai formula bagi mewujudkan perpaduan antara kaum di Malaysia telah dibuat di tengah-tengah suasana kebangkitan semula Islam (Muhammad Abu Bakar 1987).

Penerimaan Islam oleh orang-orang Melayu telah menyebabkan berlakunya satu transformasi yang besar dan nyata dalam kehidupan dan pandangan dunia mereka. Orang Melayu telah menerima kehidupan Islam sehingga menjadi sebahagian daripada hidup mereka, sebahagian daripada warisan mereka, sebahagian daripada identiti mereka dan sebahagian daripada hak kepunyaan mereka yang perlu dipertahankan sehingga keislaman menjadi ciri *etnisiti* mereka yang mana implikasinya tanpa disedari hubungan antara orang-orang Melayu dengan kaum-kaum lain di Malaysia turut dipengaruhi oleh perkiraan-perkiraan agama (Charles F. Gallagher 1966; Cyntia H. Enloe 1970; Gordon P. Means 1978; Judith Nagata 1979).

Perjuangan kebangsaan Melayu telah menjadikan pertahanan Islam atau persoalan *integral* kepada cita-cita nasionalisme keseluruhannya. Pembelaan bangsa dan tanahair dilakukan serentak. Kemasukan kaum-kaum Cina dan India telah dikritik dan ditentang atas dasar perjuangan Melayu dan Islam. Kehadiran mereka dilihat mengancam kedudukan orang Melayu dan status Islam. Imej orang-orang Cina sebagai bangsa yang 'makan babi' adalah gambaran pegangan agama dalam kalangan orang Melayu sehingga menjadi satu stigma bagi orang-orang Cina atau India yang memeluk Islam yang digambarkan sebagai 'masuk Melayu'. Konsep Melayu dan konsep Islam menjadi *co-terminous*. Begitu juga dengan orang Cina yang telah memeluk Islam dianggap telah terkeluar dari bangsa Cina '*gone over to the Malays*'. Secara tidak langsung telah menukar *etnisiti* mereka (Judith A. Nagata 1974). Keadaan ini menggambarkan bahawa hubungan Melayu dan bukan Melayu bukanlah berlaku atas dasar persefahaman tentang agama atau kepercayaan masing-masing. Meskipun sehingga kini, walaupun kedua pihak hidup bersampingan beberapa generasi yang berlalu jarang sekali kedua-duanya berusaha memperkenalkan secara efektif pegangan hidup mereka kepada yang lain yang mana masing-masing hidup dalam keadaan jahil tentang agama yang menjadi anutan kaum lain yang tinggal satu kampung atau satu bandar dengan mereka (Muhammad Abu Bakar 1987).

Dalam konteks kebebasan beragama agama lain bebas diamalkan dalam persekitaran sosio budaya Islam (Mohamed Yusoff Ismail 2008; Mutsalem Khareng 2016). Ini merupakan hak istimewa bagi penganut minoriti yang berada dalam persekitaran majoriti Islam. Mereka juga mendapat hak seperti hak tanah, membina rumah ibadat dan seumpamanya. Walaupun mereka golongan minoriti tidak ada unsur-unsur penganiayaan. Faktor ini menyebabkan mereka hidup dengan aman dalam persekitaran masyarakat Islam. Orang Islam tidak pernah menghalang penganut agama lain untuk mengamalkan ajaran mereka walaupun masyarakat Islam lebih ramai berbanding dengan masyarakat Buddha (Mohamed Yusoff Ismail 2006). Namun dalam perkara-perkara tertentu masih terdapat batasan sosial yang perlu dipatuhi oleh penganut Buddha dan agama lain (Muhammad Abu Bakar 1987).

Selain itu, kebangkitan agama Islam yang berlaku sekitar 80-an di Malaysia menyebabkan golongan kesusasteraan Melayu menitikberatkan unsur agama Islam. Ini telah menimbulkan fenomena di mana penganut agama Buddha mencontohi penulis Islam dan turut menerapkan unsur Buddhism ke dalam prosa masing-masing (Ling & See 2016).

Manakala dari aspek pendidikan pula, ianya penting dalam memperbaiki gaya hidup sesebuah masyarakat. Pada peringkat awal pendidikan yang berteraskan islamisasi digunakan sebagai kaedah menyebarkan pengetahuan agama. Konsep pendidikan ini memberi penekanan terhadap al-Quran dan dakwah. Hal ini bagi menolak dakwaan bahawa nilai-nilai pendidikan Barat dengan penghayatan kritikal terhadap sekularisme dan pendekatan dualistik yang menggabungkan Islam dan sekular dari Barat yang telah menyingkirkan pengetahuan Islam yang mana gabungan ini menawarkan pendidikan agama dan pada masa yang sama menjaga standard akademik. Sistem ini mampu menghasilkan pelajar yang terpelajar akan tetapi bercerai dari akar agama-moral asal mereka. Islamisasi pendidikan berupaya merapatkan jurang dan memberi pandangan bahawa dunia Islam sebagai epistemologi hidup dan konsep pendidikan yang tidak memisahkan al-Quran dan Sunnah. Kaedah ini digunakan bagi menyatukan orang Melayu dengan menggabungkan pengetahuan dan tindakan sementara orang Cina lebih mementingkan pengetahuan, manakala India dengan pemikirannya yang abstrak (Sadayandy Batumalai 1996).

## Politik

Selepas merdeka kerajaan Perikatan yang memerintah ketika itu berdepan dengan realiti kemajmukan masyarakat yang perlu diberi perhatian serius dengan satu dasar yang berkesan yang boleh menyatupadukan rakyat berbilang bangsa, agama dan adat resam. Sekiranya tiada usaha yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini negara akan berdepan dengan ketegangan etnik dan krisis perkauman yang berterusan. Sebagai respons kepada isu-isu perkauman yang berlaku sebelum tahun 70-an seperti isu rusuhan berdarah 13 Mei 1969 kerajaan Perikatan (Barisan Nasional) sudah mula membuat perkiraan menjadikan Islam sebagai formula untuk menyelesaikan masalah kemajmukan setelah mengambil kira penyatupaduan melalui polisi pelajaran, bahasa, ekonomi dan budaya (Cynthia H. Enloe 1968). Oleh kerana budaya Melayu yang diterima sebagai teras kepada kebudayaan nasional mempunyai banyak ciri-ciri Islam, peranan agama turut terlibat dalam rancangan melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Walaupun Islam kurang mendapat tempat dalam konteks ini, ianya bukan sahaja tidak mempunyai fungsi yang jelas tetapi tidak dianggap sebagai satu masalah besar kepada masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap gagasan ini. Walaupun demikian, usaha-usaha mempertingkatkan kehidupan beragama dalam kalangan orang-orang Melayu seperti penubuhan masjid dan pelajaran mengenai Islam di sekolah-sekolah, sejajar dengan status Islam sebagai agama Persekutuan dan tempatnya dalam kehidupan orang Melayu sebagai bangsa yang diberi hak-hak istimewa di bawah Perlembagaan. Islam dijadikan sebagai benteng keruntuhan moral dan memainkan peranan dalam penyebaran agama.

Impak daripada tindakan ini *etnisiti* bangsa-bangsa sahaja yang menjadi semakin kukuh. Ini menunjukkan sentimen perkauman semakin kuat. Begitu juga sekatan ke atas pendakwah bukan Islam dari menjalankan kegiatan mereka dalam kalangan orang Melayu. Sekatan ini bertujuan untuk membela bangsa Melayu Islam daripada menerima seruan dakwah agama lain. Situasi ini menunjukkan bahawa pembezaan kaum semakin kuat. Walaupun Islam kelihatan semakin diperkukuhkan dengan usaha menghidupkan perkauman, tidak terdapat usaha dari



kerajaan untuk mewujudkan pemerintahan Islam. Oleh itu, usaha untuk menyelesaikan masalah integrasi kaum dengan menggunakan formula Islam tidak timbul kerana ketika itu Tunku Abdul Rahman selaku 'Perdana Menteri Malaya 1959' menolak kemungkinan peraksanaan undang-undang Islam atas alasan bahawa ianya akan merosakkan perpaduan. Baginya, kemungkinan akan berlaku pertumpahan darah adalah antara perkiraan-perkiraan utama yang memaksa beliau tidak melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya di Malaysia. Pemikiran seumpama ini adalah bagi mereka yang berfikiran bahawa Islam hanya layak diamalkan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat yang menganut satu agama sahaja (Muhammad Abu Bakar 1987).

Sentimen perkauman semakin kuat apabila parti-parti politik Melayu, khususnya UMNO dan Pas menunjukkan kesan yang hampir sama dari segi hubungan kaum seperti yang dilakukan oleh pemerintah. Ini kerana perjuangan politik Melayu pada ketika itu tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku sebelum merdeka sama ada mereka memperjuangkan nasib bangsa Melayu dengan merujuk kepada cita-cita Islam ataupun menumpukan keislaman mereka dalam membuat pembelaan terhadap bangsa. UMNO menganggap kewajibannya membela Islam ketika berhadapan dengan ancaman dari luar negeri ataupun dari kaum penganut agama lain. Perjuangan ini menjadi sebahagian platform parti itu dalam pilihanraya dengan memberi penekanan kepada peranan agama dalam hubungan antara kaum. Penglibatan Pas dalam politik perkauman dalam era 50-an dan 60-an mempunyai kesan negatif. Bukan sahaja mengkritik UMNO kerana kegagalannya membela ekonomi, pelajaran dan bahasa orang Melayu akan tetapi menganjurkan kepada orang Melayu melancarkan jihad terhadap bangsa-bangsa lain yang 'kafir'. Baginya Malaya adalah hak bangsa Melayu dan orang bukan Melayu tidak wajar diberi tempat seperti yang dilakukan oleh pemerintah. Sikap ini memberi kesedaran etnik dalam kalangan orang-orang Melayu semakin bertambah. Sentimen perkauman yang dimainkan oleh Pas menyebabkan ianya menjadi popular dan memberinya kejayaan dalam banyak kawasan pilihanraya sekitar tahun 1959, 1964 dan 1969 dengan dukungan keislaman yang menjadi sebahagian daripada kehidupan orang-orang Melayu yang cuba mempertahankan kesucian Islam. Penggabungan dengan UMNO dalam Barisan Nasional dan kerajaan campuran di awal dan pada pertengahan tahun 70-an sangat kuat dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu. Dasar Islam yang terdapat dalam Pas dan UMNO menunjukkan sentimen negatif dari segi perspektif hubungan etnik di negara ini. Ini bermakna apa yang berlaku menggambarkan kehidupan beragama semakin diberi perhatian oleh masyarakat umum sama ada Islam atau bukan Islam (Muhammad Abu Bakar 1987).

Merujuk kepada parti yang bercirikan Islam di Malaysia contohnya Pas, UMNO dan Parti Rakyat yang mana, berhubung dengan perkara ini UMNO telah menyatakan bahawa mereka tidak sekular dan pembentukannya adalah untuk mewujudkan negara Melayu yang merdeka, membina masyarakat Islam serta mewujudkan sebuah negara Islam. Perkara ini juga telah dicirikan oleh Pas yang berusaha dan merancang untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan anggota parti serta menjustifikasikan parti itu sebagai 'fundamentalis Islam' yang menunjukkan mereka sangat ortodoks terhadap Islam (Sathian & Ngeow 2014b).

Menurut Funston (1980) terdapat beberapa perbezaan antara UMNO dan Pas yang mana ianya ditubuhkan rentetan daripada pengaruh dan semangat gerakan Islah Islamiyah di Timur Tengah dan di Indonesia dengan suntikan kesedaran untuk membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah. UMNO pula ditubuhkan di atas kesedaran politik orang Melayu yang melihat kuasa Raja-Raja Melayu akan terhakis ekoran daripada cadangan penubuhan *Malayan*

*Union2* oleh penjajah British pada tahun 1946. Perbezaan tujuan penubuhan membawa kepada perbezaan perjuangan kedua parti orang Melayu ini. Selain itu, Pas juga berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berpaksikan undang-undang Syariah Islam dan Perlembagaan berdasarkan al-Quran dan Sunnah sebagai dasar Pas akan tetapi terdapat pandangan yang mana antaranya mengatakan bahawa ‘Perlembagaan Malaysia adalah hasil kompromi untuk menampung hak semua kaum’ (Ahmad Ibrahim), ‘Malaysia adalah negara sekular bukannya negara Islam’ (Tunku Abdul Rahman: Bapa Kemerdekaan Malaysia), ‘Malaysia sudah menjadi sebuah negara Islam’ (Mahathir Mohamad: Perdana Menteri Malaysia dan Timbalannya: Datuk Musa Hitam) (Batumalai 1996). Keadaan ini menggambarkan bahawa hala tuju negara sebagai sebuah negara Islam mencetuskan kekeliruan dalam mentakrifkan ciri-ciri sebuah negara Islam yang sebenarnya dalam kalangan pemimpin politik (Batumalai 1996).

Walaupun negara ini tidak ditadbir sepenuhnya dengan undang-undang Syariah Islam akan tetapi usaha-usaha untuk menerapkan semangat Islam akan dilakukan dengan menyerap nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara (Mahathir Mohamad) (Batumalai 1996). Bagi mencapai kedudukan sebagai sebuah negara Islam perlu melalui proses evolusi yang panjang. Tidak mungkin tertubuhnya negara Islam dalam tempoh terdekat dan tidak mustahil akan berlaku pada masa akan datang. Ini menunjukkan bahawa sekitar 1969 aspek politik Islam menjadi agenda utama pemikiran Anwar Ibrahim dan Mahathir Mohamad walaupun keutamaan politik memprihatinkan kesejahteraan ekonomi (Batumalai 1996). Suasana politik awal 70-an menggambarkan bahawa ciri-ciri untuk menjadikan negara Islam sudah wujud dalam pemikiran pemimpin politik. Dalam berdepan situasi seumpama ini, Farish A. Noor (2004) meletakkan Islam sebagai teras penting bukan sahaja bagi mereka yang ingin memahami politik Malaysia, tetapi juga bagi pelajar gerakan Islam kontemporari. Pas adalah salah satu gerakan agama-politik terpenting di Dunia Muslim yang setanding dengan Ikhwanul Muslimin Mesir, Jama'at-e-Islami Pakistan dan penggantian parti-parti Islamis oleh Turki tetapi mempunyai sejarah dan watak tersendiri.

Sementara itu, dalam konteks kerajaan Pas Kelantan menekankan aspek pembangunan insan untuk melahirkan masyarakat serta membentuk negeri dan negara yang baik walaupun terdapat kekangan dan cabaran serta tiada tindak balas positif daripada Kerajaan Persekutuan. Situasi ini merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan negeri Kelantan pasca 1990 kerana Kelantan tidak mempunyai dana yang sepatutnya disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan (Nurul Akma Sheikh Mohd Amin & Shukeri Mohamed 2016). Walaupun demikian, kebebasan untuk mempraktikkan amalan dan merealisasikan kepercayaan yang tertanam atau disatukan dengan struktur Islam dapat dilaksanakan dengan bebas meskipun orang bukan Islam dan segelintir orang Islam berasa bimbang terhadap proses islamisasi yang dimanifestasikan oleh Pas serta kesan kebangkitan semula Islam.

## **Ekonomi**

Kestabilan sosio ekonomi penting dalam menentukan corak kehidupan beragama. Ini kerana ketidakstabilan ekonomi boleh mewujudkan kemudaratan dalam pengamalan agama bagi individu yang lemah tahap pegangan agama mereka (Dahalan et al. 2012). Sepertimana usaha

Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengatasi ketidakstabilan ekonomi, Kerajaan Negeri Kelantan menstruktur semula sosio-ekonomi masyarakat yang lebih bebas dan berdikari bagi mencapai tahap pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia yang seimbang dengan menekankan prinsip dinamik dalam kehidupan sosial Islam. Perkara yang difokuskan adalah memberikan penekanan yang optimum terhadap dua perkara iaitu penggunaan sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah dan persekitaran fizikal. Kedua, penggunaan serta pengagihan sumber-sumber secara adil dengan menggalakkan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan supaya pelaksanaan ekonomi mestilah berasaskan tauhid, *rububiyah*, khilafah dan *tazkiyyah* (Nurul Syahidah Roslan & Mohd Adib Ismail 2013).

Sekitar tahun 70-an Dasar Ekonomi Baru (DEB) disusun semula bagi menghilangkan identifikasi bangsa dan ekonomi supaya kemiskinan dapat diperkasakan tanpa mengira kaum. Secara tidak langsung menghubungkan jurang ekonomi yang wujud dalam kalangan etnik kerana terdapat sentimen perkauman. Meskipun usaha-usaha tersebut, untuk memulihkan ekonomi dan hubungan antara kaum akan tetapi usaha tersebut adalah untuk membantu orang Melayu bagi mengatasi kelemahan ekonomi. Selain daripada menyuntik kesedaran tentang kepentingan hidup beragama, dimensi ekonomi juga berperanan penting dalam menentukan hala tuju program yang dijalankan oleh sumber ekonomi yang kukuh walaupun usaha-usaha ini menunjukkan sedikit peningkatan peratusan pencapaian ekonomi dalam kalangan etnik Melayu sekitar tahun 1970 hingga 1990 (Sadayandy Batumalai 1996).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, agama menjadi tunjang dalam menyatukan masyarakat berbeza agama, taraf sosial, berbeza fahaman politik, taraf sosio ekonomi dan berbeza latar belakang pendidikan. Bagi mencapai tujuan ini masyarakat Islam yang bertunjangkan al-Quran dan Sunnah, masyarakat Cina yang mengutamakan pengetahuan dalam kehidupan mereka dan India yang dianggap pemikirannya yang abstrak perlu mengamalkan gaya hidup yang harmoni supaya negara sentiasa aman.

## Rujukan

- Akhilesh Pillalamarri. 2017. Buddhism and Islam in Asia: A Long and Complicated History. <https://thediplomat.com/2017/10/buddhism-and-islam-in-asia-a-long-and-complicated-history/>
- Anad, M. 2017. Kehidupan Sosial Masyarakat Siam Kelantan. Dlm. Nur Azuki Yusuff (pnyt.). *Masyarakat Siam Kelantan Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Ann Wan Seng. 2010. *Mencari Islam di China*. Kuala Lumpur: Mustread SDN. BHD.
- Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. 2014. *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia*.
- Baharuddin, A., Ahmad, Z., Talib, A. T., Sarjit Singh Darshan Singh, N. D., Yusoff, A. N. M., Halim, A. A. ., Majid, A. A. ., et al. 2014. *Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Semenanjung Malaysia*. ResearchGate.

- Buddhism. (n.d.). Buddhism Religious Basics. *Princeton Buddhist Student Group*.  
<https://www.princeton.edu/~buddhism/>
- Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Charles F. Gallagher. 1966. *Contemporary Islam: A Frontier of Communalism. Aspects of Islam in Malaysia*. American Universities Field Staff Report (Southeast Asia Series).
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2011. Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies* 38(1): 13–34.
- Cynthia H. Enloe. 1968. Issues and Integration in Malaysia. *Pacific Affairs*. Vol. 41, No3 (Autumn, 1968): 372-385.
- Dzulhailmi Dahalan, Turiman Suandi, Mohamad Rezal Hamzah, Jegak Uli, Jamilah Othman, Nobaya Ahmad, Nor Azliza Wanis Abdullah. 2012. GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space. 8 issue 3(43-51).
- Dahalan, D., Suandi, T., Hamzah, M. R., Uli, J. & Othman, J. 2012. Komuniti nelayan muslim : Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama Muslim fishermen community : The analysis of importance from Islamic lifestyle perspective 3(3): 43–51.
- Cynthia H. Enloe. 1968. Issues and Intergration in Malaysia. *Pasific Affairs*. Vol. 41, No. 3 (Autumn, 1968): 372-385
- Cyntia H. Enloe. 1970. *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia*. Center of South and Southeast Asian Studies, University of Carlifornia, Berkerly.
- Farish A. Noor. 2004. *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*. Malaysia: Malaysian Sociological Research Institute. Retrieved from <http://books.google.com.my/books?id=wfoJAAAAMAAJ>
- Fisher, G. 2012. Religion as Repertoire : Resourcing the Past in a Beijing Buddhist Temple. *Modern China* 38(3): 346–376. doi:10.1177/0097700411417327
- Funston, J. N. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*. Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Gordon P. Means. 1978. *Malaysian Politics, Public Policy Toward Religion in Malaysia*. Pasific Affairs. Hodder and Stoughton: London.
- Halimahtul Sa'diyah Mohamad. 2016. *Interaksi Sosio-Budaya Masyarakat Islam dan Buddha di Pasir Puteh, Kelantan*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamzah, I. S. & Sity Daud, N. A. I. 2016. Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 9(9): 11–23.
- Hussin Mutalib. 1990. Islamic Revivalism in ASEAN States: Political Implications. *Asian Survey* 30(9): 877–891.
- Judith A. Nagata. 1974. *What Is A Malay? Situational Selection of Ethnic Identity in A Plural Society*. American Ethnologist.
- Judith Nagata. 1979. *Malaysian Mosaic, Perspective From a Poly-Ethnic Society*. University of British Columbia Press: Vancouver.
- Lee, R. L. M. 1988. Patterns of Religious Tension in Malaysia. *Asian Survey* 28(4): 400–418. doi:10.2307/2644735
- Ling, L. Y. & See, T. H. 2016. Humanistic Buddhism: Buddhist Prose Comparison of He Naijian and Lin Qingxuan. *Journal of Chinese Literature and Culture* 76–94.

- Manohare, M., Dongre, A. & Wahurwagh, A. 2017. Acoustic Characterization of the Buddhist Temple of Deekshabhoomi in Nagpur ., *Sage Publications* 24(3): 193–215. doi:10.1177/1351010X17718948
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2000. Bidangkuasa dan kedudukan mahkamah syariah di Malaysia pasca alaf 20: Ke arah mana? *Jurnal Syariah* 8(2): 103–122.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2006. Buddhism in a Muslim State: Theravada Practices and Religious Life in Kelantan. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1(1): 1–20.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2008. Hubungan Etnik dalam Masyarakat Berlainan Agama: Orang Siam Buddha dan Melayu Islam di Kelantan. Dlm. Mat Zin Mat Kib et al. (pnyt.). *Hubungan Etnik di Malaysia, Sejarah, Iltizam dan Cabaran Baru*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2010a. Buddhism in a Muslim State: Theravada Practices and Religious Life in Kelantan. *Muslim World* 100(2–3): 321–336. doi:10.1111/j.1478-1913.2010.01323.x
- Mohamed Yusoff Ismail. 2013. *Agama Buddha dalam Persekitaran Masyarakat Siam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Muhammad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mutsalem Khareng. 2016. *Kebebasan Beragama dalam Ajaran Islam dan Buddha Theravada serta Implikasinya terhadap Hubungan antara Penganut*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noresah Baharom. 2002. Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul 'Azmi Yaakob & Nur Solehah Shapiee. 2020. Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia. *Akademika* 90(2): 165–179. doi:https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-14 Memahami
- Nurul Akma Sheikh Mohd Amin & Shukeri Mohamed. 2016. Program Wanita Negeri Kelantan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian dan Cabaran. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016 22 & 23*, hlm. 28–41.
- Nurul Syahidah Roslan & Mohd Adib Ismail. 2013. Pengamalan Ekonomi Islam di Negeri Kelantan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"* Johor Bahru, hlm. Vol. 8, 371–382.
- Patimah Sama-ae & Mahama Tohleleng. 2017. Sejarah dan Peranan Wat di Kelantan. *Masyarakat Siam Kelantan Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Phairoon, N. & Pholphirul, P. 2019. Fundraising efficiency in Buddhist temples in Thailand: An application of the stochastic frontier analysis model. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing* 24(3). doi:10.1002/nvsm.1639
- Raja Ahmad Raja Jamaludin. 2012. Agama Islam, Perlembagaan Persekutuan dan Negara Malaysia: Suatu Analisis Dalam Mempertahankan Kedudukan Agama Islam dan Umat Islam di Malaysia. *Jawatakuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <http://www.muftiwp.gov.my/v1/>

- Riggs, T. 2008. Encyclopedia of Religious practices. *Worldmark Encyclopedia of Religious Practices*. Thomson Gale: New York.
- Ruzieha Abd Halim. 2017. *Penghayatan Agama Islam sebagai Mediator dalam Hubungan antara Persekitaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam*. Ijazah Doktor Falsafah, (Psikologi Pendidikan), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sadayandy Batumalai. 1996. *Islamic Resurgence and Islamization in Malaysia A Malaysian Christian Response The re-awakening of Islam in relationship to other religions in Malaysia*. Ipoh: S. Batumalai.
- Sathian, M. R. & Ngeow, Y. M. 2014a. Essentialising Ethnic and State Identities: Strategic Adaptations of Ethnic Chinese in Kelantan, Malaysia. *Asian Studies Review* 38(3): 385–402. doi:10.1080/10357823.2014.936361
- Sathian, M. R. & Ngeow, Y. M. 2014b. Essentialising Ethnic and State Identities: Strategic Adaptations of Essentialising Ethnic and State Identities: Strategic Adaptations of Ethnic Chinese in Kelantan , Malaysia. *Asian Studies Review* 38(3): 385–402. doi:10.1080/10357823.2014.936361
- Thanissaro, P. N. 2018. The attitudes of British Buddhist teens towards school and Religious Education. *International Journal of Children's Spirituality* 23(2): 180–195. doi:10.1080/1364436X.2018.1448762
- Tohleheng, P. S. & M. 2017. *Sejarah dan Peranan Wat di Kelantan*. Dlm. Nur Azuki Yusuff (pnyt.). *Masyarakat Siam Kelantan Sejarah, Sosiobudaya & Bahasa*. Kota Bharu: UMK.
- Yousif, A. F. 1998. Islamic Revivalism in Malaysia : An Islamic Response to Non-Muslim Concerns. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 21(4): 30–56.
- Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Nur Ayuni Mohd Isa, Sarjit S.Gill, Jayum Jawan & Abd Hakim Mohad. 2014. Tahap Kepentingan Isu-isu Agama di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014* 1–13.